



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
Malaysian Examinations Council



LAPORAN PEPERIKSAAN **STPM 2022**

Syariah (930)



PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, sebanyak 2 413 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 68.91% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	5.88	6.01	9.16	12.14	13.39	9.90	12.43	8.70	9.03	4.14	9.20

RESPONS CALON

Komen am

Secara umumnya, mutu jawapan calon adalah sederhana dan agak seimbang antara Bahagian A (Muamalat dan Munakahat) dan Bahagian B (Mirath dan Jenayah). Majoriti calon memilih soalan 1 dan soalan 3 pada Bahagian A. Manakala bagi Bahagian B, majoriti calon menjawab soalan 5 dan soalan 6.

Majoriti calon dapat menjawab pecahan soalan (a) dan (b) dengan baik. Walau bagaimanapun, calon kelihatan sukar untuk menjawab pecahan soalan (c) bagi setiap soalan. Kekeliruan memahami serta mentafsir kehendak soalan terutama soalan 2(c), 3(c), 4(c), dan 6(c) menyebabkan kebanyakan calon kehilangan banyak markah pada bahagian ini. Selain itu, mutu jawapan keseluruhan soalan KBAT adalah berada pada tahap sederhana. Kekurangan pengetahuan serta maklumat tentang isu-isu semasa serta perincian setiap subtopik dalam silibus merupakan faktor utama kegagalan calon menjawab dengan baik bagi setiap soalan yang dipilih.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: Muamalat dan Munakahat

Soalan 1

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan pengertian *ijarah* dan menyatakan tiga syarat upah.

Majoriti calon dapat menerangkan pengertian *ijarah* dengan baik, iaitu pertukaran sesuatu manfaat dengan sesuatu harta tertentu atau suatu akad memiliki manfaat yang dimaklumi serta diharuskan oleh syarak dengan bayaran yang tertentu. Walau bagaimanapun, bagi syarat upah, kebanyakan calon tidak dapat memberikan jawapan yang tepat dan mengulangi fakta yang sama, seperti barang yang bernilai, bermanfaat, dan berharga. Di samping itu, terdapat juga segelintir calon yang menyatakan rukun *ijarah* seperti penyewa, pemberi sewa, harta sewaan, dan lafaz. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- (i) Bernilai/bermanfaat/berharga
- (ii) Diharuskan oleh syarak

- (iii) Dimaklumi kadar
- (iv) Tertentu
- (v) Boleh diserahkan
- (vi) Upah diterima umum/mengikut uruf/dipersetujui oleh kedua-dua pihak
- (vii) Upah milik pemberi upah

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan tiga perbezaan antara upah dengan sewa.

Sebahagian calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun sebahagian lagi calon tidak dapat menjawab dengan baik disebabkan mengulangi jawapan yang sama, seperti “upah memberikan bayaran dari hasil kerja, mendapat manfaat dari kerja, hasil daripada kepakaran kerja” atau menyatakan hanya satu atau dua perbezaan sahaja. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Upah	Sewa
Manfaat kerja atau orang	Manfaat barang
Contoh: Upah mekanik/gaji guru	Contoh: Sewa kereta
Tamat dengan kematian orang	Tamat dengan kerosakan barang
Perbezaan dari segi dalil (nyatakan dalil upah)	Perbezaan dari segi dalil (nyatakan dalil sewaan)
Tiada tempoh tertentu atau tempohnya dikira sehingga kerja tamat atau selesai	Ada tempoh tertentu

Soalan (c) menghendaki calon memberikan penilaian status *ijarah* bagi tiga kes yang dikemukakan berserta dengan alasan.

Majoriti calon dapat menjawab soalan 1(c)(i) dan 1(c)(ii) dengan tepat. Namun begitu, bagi soalan 1(c)(iii), terdapat sebahagian calon yang memfokuskan jawapan kepada tugasan agen pemasaran dengan pelanggan syarikat dengan menyatakan bahawa syarikat harus menghantar agen lain sebagai ganti kepada pelanggan tersebut. Sedangkan jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Penilaian status ijarah dan alasan			
No. kes	Kes	Status ijarah	Alasan
(i)	Rumah yang disewa terbakar keseluruhannya akibat litar pintas	Tamat sewaan/penyewa tidak perlu ganti	Tiada lagi manfaat sewaan/bukan kecuaian penyewa
(ii)	Wang sewaan yang diterima oleh pemberi sewa dilarikan peragut	Sah sewaan/penyewa tidak perlu membayar lain	Bayaran telah diserah dan diterima oleh pemberi sewa
(iii)	Seorang agen pemasaran yang diupah oleh syarikat A koma akibat kemalangan jalan raya	Tamat kontrak upah	Manfaat kerja tidak dapat diadakan/hilang kelayakan

Soalan 2

Soalan (a) menghendaki calon memperihalkan hukum wasiat, iaitu wajib, haram, harus, dan makruh.

Majoriti calon dapat menjawab dengan baik bagi hukum makruh dan harus wasiat. Namun majoriti calon gagal memperihalkan hukum wajib dan haram wasiat. Antara jawapan calon adalah “wajib memberikan wasiat kepada anak yatim, wajib berwasiat kepada waris, haram berwasiat kepada orang kafir” dan sebagainya. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Hukum wasiat	Perihal/situasi/keadaan
Wajib	Jika seseorang mempunyai tanggungjawab yang perlu ditunaikan sama ada ianya berbentuk hak Allah seperti zakat dan haji atau hak manusia seperti hutang yang belum ditunaikan
Haram	Jika subjek wasiat itu ialah sesuatu yang diharamkan oleh syarak/berwasiat kepada perkara yang haram
Harus	Mewasiatkan sesuatu yang diharuskan syarak/wasiat kepada sahabat handai/orang kaya
Makruh	Orang yang mempunyai harta yang sedikit, sedangkan pada masa yang sama dia mempunyai ahli waris yang miskin yang sangat memerlukan harta/wasiat kepada orang fasik

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan hukum berserta dengan alasan bagi empat permasalahan yang dikemukakan.

Majoriti calon dapat menjelaskan hukum berserta dengan alasan bagi permasalahan (ii) dan (iv) dengan tepat. Namun majoriti calon gagal menjawab dengan baik bagi permasalah (i) dan (iii). Antara jawapan calon adalah “makruh kerana anak masih kecil” dan “wajib kerana mereka pelajar miskin”. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

No.	Permasalahan	Hukum	Alasan
(i)	Encik B mewasiatkan hartanya kepada anaknya yang berusia 3 tahun.	Tidak sah atau Sah	Berwasiat kepada waris atau jika waris lain setuju.
(ii)	Penerima wasiat mati sebelum kematian pewasiat.	Batal	Ketiadaan benefisiari/penerima wasiat mati dahulu
(iii)	Puan C mewasiatkan hartanya kepada pelajar miskin di sekolah D yang akan dibina.	Sah atau Tidak sah	Jika ada penerima semasa kematian pewasiat atau jika tiada penerima selepas kematian pewasiat
(iv)	Cik E telah menjual harta yang telah diwasiatkan kepada Encik F.	Tamat/batal	Ketiadaan harta wasiat/berpindah ke tangan orang lain sebelum kematian pewasiat.

Soalan (c) menghendaki calon membincangkan kedudukan *wasiat wajibah* di Malaysia. Majoriti calon gagal menjawab soalan ini dengan baik. Kebanyakan calon memfokuskan jawapan kepada perbincangan tentang hukum wasiat, iaitu wajib tanpa mengaitkan dengan kedudukan *wasiat wajibah* di Malaysia. Punca kegagalan utama calon menjawab soalan ini adalah kelemahan memahami maksud *wasiat wajibah* dan kekurangan maklumat mengenai *wasiat wajibah*. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- (i) *Wasiat wajibah* ialah satu bentuk wasiat yang diwajibkan berdasarkan peruntukan undang-undang.
- (ii) *Wasiat wajibah* ialah pembahagian sebahagian daripada harta pusaka kepada cucu yang kematian ibu atau bapa sebelum datuk atau nenek atau mereka mati serentak.
- (iii) Tujuannya adalah bagi menjaga kebajikan cucu-cucu yang telah kematian bapa atau ibu supaya mereka memperoleh bahagian dalam harta pusaka datuk mereka.
- (iv) *Wasiat wajibah* diperuntukkan dalam enakmen beberapa buah negeri seperti Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Kelantan, dan Sabah.
- (v) Kadar *wasiat wajibah* adalah berdasarkan kadar terendah antara dua keadaan sama ada kadar pusaka yang diterima oleh bapa atau ibu cucu tersebut daripada harta pusaka datuknya (si mati) atau kadar satu pertiga daripada harta si mati.
- (vi) Disyaratkan cucu tersebut tidak mendapat apa-apa bahagian harta pusaka datuk atau nenek mereka kerana dihijab oleh ibu atau bapa saudara mereka.
- (vii) Dilaksanakan selepas wasiat *ikhtiyariyyah/wasiat* lain.
- (viii) Melalui tuntutan atau permohonan di Mahkamah Syariah.
- (ix) Pandangan calon/rumusan/kesimpulan.

Soalan 3

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan hukum ‘*iddah* berdasarkan nas al-Quran yang diberikan, iaitu ayat 49, Surah al-Ahzab.

Majoriti calon gagal menjawab soalan ini dengan baik kerana tidak memahami maksud ayat. Terdapat calon yang menyatakan bahawa harus ber’*iddah*, haram bercerai, wajib menunggu hingga melahirkan anak, dan sebagainya. Jawapan yang sepatutnya adalah tiada ‘*iddah* bagi perempuan yang diceraikan sebelum disetubuhinya oleh suaminya yang mengharuskannya berkahwin serta merta selepas diceraikan.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan empat perkara yang dilarang ke atas perempuan yang sedang menjalani *ihdad* kematian suami.

Secara umumnya, majoriti calon dapat menjelaskan sekurang-kurangnya dua atau tiga perkara yang dilarang ke atas perempuan yang sedang menjalani *ihdad* kematian suami. Kegagalan calon mendapat markah penuh bagi soalan ini adalah kerana mengulangi fakta yang sama seperti “keluar rumah, ziarah kubur suami atau bermusafir”. Selain itu juga, terdapat calon yang hanya menyatakan fakta sahaja tanpa huriaian atau huriaian tidak tepat. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- (i) Memakai pakaian yang dicelup dengan warna untuk tujuan perhiasan (warna merah, kuning, dan merah tanah).
- (ii) Memakai barang kemas atau perhiasan yang diperbuat daripada emas, perak, dan permata seperti cincin, gelang, rantai, dan sebagainya.

- (iii) Memakai wangian pada badan atau pakaian kecuali untuk kebersihan seperti mandi, gosok gigi, dan sebagainya.
- (iv) Keluar rumah selain untuk keperluan.
- (v) Menerima lamaran/pinangan.
- (vi) Berhias/bersolek.

Soalan (c) menghendaki calon membincangkan hukum rujuk berdasarkan situasi di mana Encik G telah menghantar mesej melalui aplikasi *WhatsApp* kepada isterinya yang sedang menjalani tempoh ‘*iddah* cerai talak *raj'i* yang berbunyi, “Abang rujuk kamu kembali”.

Majoriti calon mampu mengenal pasti hukum rujuk melalui *WhatsApp*. Namun sebahagian calon gagal menghuraikan jawapan dengan baik dan menghubungkaitkan dengan amalan di Malaysia seperti merujuk kepada Pejabat Agama. Di samping itu, terdapat sebahagian calon tidak membuat kesimpulan atau menyatakan pandangan mereka sebagaimana kehendak soalan, iaitu “bincangkan”. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- (i) Lafaz rujuk bagi situasi berkenaan ialah lafaz bertulis.
- (ii) Imam Syafie – lafaz *kinayah* (perlu ada niat).
- (iii) Mazhab lain – lafaz *sarih* tak perlu kepada niat.
- (iv) Hukum:
 - Sah jika penulis adalah suami dan penerima adalah isteri/dibaca oleh isteri/suami berniat rujuk isteri.
 - Tidak sah jika berlawanan dengan di atas.
- (v) Perlu rujuk ke Mahkamah Syariah/Pejabat Agama untuk pengesahan status rujuk.
- (vi) Satu perbuatan tidak sopan/tidak beradab.
- (vii) Pandangan calon/rumusan/kesimpulan.

BAHAGIAN B: Mirath dan Jenayah

Soalan 4

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan mengapa perkahwinan dan *wala'* menjadi sebab pewarisan harta pusaka dalam Islam.

Majoriti calon dapat menerangkan mengapa perkahwinan menjadi sebab pewarisan, namun sebahagian calon gagal menerangkan sebab *wala'*. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- (i) Perkahwinan: Akad perkahwinan yang sah di sisi syarak sama ada berlaku persetubuhan atau tidak. Suami berhak mewarisi harta pusaka isterinya dan begitu juga isteri berhak mewarisi harta pusaka suaminya.
- (ii) *Wala'*: Pembebasan hamba. Bekas tuan hamba berhak mewarisi harta pusaka bekas hambanya yang dibebaskan sebagai waris *asabah*.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan kedudukan perbelanjaan pengurusan jenazah dalam liabiliti harta pusaka.

Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Sebahagian calon memfokuskan jawapan kepada liabiliti harta pusaka seperti menjelaskan hutang dan menunaikan wasiat. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- (i) Kedudukan pertama atau utama dalam pengurusan harta pusaka sebelum diselesaikan hutang si mati, tuntutan harta sepencarian, pelaksanaan wasiat, dan sebelum diagihkan kepada waris-waris.
- (ii) Perbelanjaan pengurusan jenazah termasuklah:
- (iii) Perbelanjaan mandi
- (iv) Perbelanjaan kafan
- (v) Perbelanjaan pengkebumian
- (vi) Perbelanjaan lain seperti kenduri tahlil, upah sembahyang dan bacaan surah Yasin tidak boleh menggunakan harta pusaka.
- (vii) Kadar perbelanjaan mengikut status si mati/uruf setempat.

Soalan (c) menghendaki calon menganalisis pandangan fuqaha berkaitan jenis pembunuhan yang menjadi halangan pewarisan.

Majoriti calon gagal menjawab soalan ini dengan baik. Kebanyakannya hanya menyatakan jenis pembunuhan sengaja sahaja tanpa perbincangan yang terperinci tentang pandangan fuqaha. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- (i) Mazhab Syafie: Semua jenis pembunuhan menghalang pewarisan walaupun dengan hak, atau dilakukan oleh yang bukan mukallaf. Contoh: Seorang hakim menjatuhkan hukuman bunuh ke atas anaknya yang didapati bersalah kerana membunuh.
- (ii) Mazhab Maliki: Pembunuhan secara sengaja sama ada secara langsung atau tidak secara langsung dan disyaratkan pembunuhan seorang yang mukallaf.
- (iii) Mazhab Hanafi: Semua jenis pembunuhan yang dikenakan hukuman *qisas* atau *kaffarah* seperti pembunuhan sengaja, seumpama sengaja atau tidak sengaja dan disyaratkan pembunuhan seorang yang mukallaf. Tetapi pembunuhan secara tidak langsung seperti kesaksian atau pembunuhan dengan hak tidak menghalang pewarisan.
- (iv) Mazhab Hanbali: Semua jenis pembunuhan tanpa hak yang boleh dikenakan hukuman *qisas*, *kaffarah* dan *diyat*, seperti pembunuhan sengaja, seumpama sengaja, tidak sengaja, secara langsung atau tidak langsung. Jenis pembunuhan lain selain daripada yang dinyatakan dan pembunuhan tersebut diakui sah oleh syarak seperti mempertahankan diri atau melaksanakan hukuman *qisas* tidak menjadi halangan pewarisan.
- (v) Pandangan calon/rumusan/kesimpulan.

Soalan 5

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan bahagian saudara lelaki seibu dalam pembahagian harta pusaka dalam Islam.

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun, terdapat segelintir calon tidak dapat memberikan jawapan yang tepat kerana tidak mengingati fakta. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- (i) 1/6 sekiranya seorang, tiada bapa atau datuk atau anak keturunan.
- (ii) 1/3 sekiranya ramai, tiada bapa atau datuk atau anak keturunan.
- (iii) Dihijab oleh bapa atau datuk atau anak keturunan.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan hukum menggunakan harta pusaka bagi empat situasi yang dinyatakan.

Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun, terdapat segelintir calon yang menjawab, seperti “haram bayar fidyah dan nazar kerana ianya tanggungan ahli waris”, “boleh dan diwajibkan buat kenduri tahlil/yasin untuk kebajikan si mati”, dan sebagainya. Sedangkan jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

No.	Situasi	Hukum	Penjelasan/alasan
(i)	Membayar fidyah dan nazar si mati.	Wajib/ Harus/Boleh	Kerana fidyah dan nazar si mati adalah hutang Allah yang perlu dibayar menggunakan harta pusaka si mati.
(ii)	Mengadakan kenduri tahlil dan upah membaca yasin.	Haram/Tidak harus/Tidak boleh	Kerana kenduri tahlil dan membaca yasin bukan keperluan pengurusan jenazah yang boleh menggunakan harta pusaka si mati.
(iii)	Menyelesaikan tuntutan harta sepencarian pasangan si mati.	Wajib/Harus/ Boleh	Kerana ada hak orang lain, iaitu hak pasangan si mati dalam harta sepencarian sepanjang perkahwinan/jika ada tuntutan/diputuskan oleh mahkamah.
(iv)	Melaksanakan wasiat si mati kepada isteri dan anak-anak si mati.	Tidak sah/Tidak boleh	Wasiat harta si mati kepada isteri dan anak-anak tidak sah melainkan mendapat keizinan daripada waris-waris lain yang berhak mempusakai.

Soalan (c) menghendaki calon menghuraikan pembahagian harta pusaka seorang perempuan yang meninggal dunia dengan meninggalkan waris yang terdiri daripada suami, ibu, bapa, dan seorang saudara perempuan seibu sebapa. Harta peninggalan si mati bernilai RM540 000.00.

Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Selain itu, terdapat juga calon yang kurang berhati-hati dalam menulis jawapan seperti tertinggal satu “0” bagi nilai harta yang menyebabkan markah ditolak. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

		6	RM540,000.00
Suami	1/2	3	RM270,000.00
Ibu	1/3 baki	1	RM90,000.00
Bapa	Asabah	2	RM180,000.00
Saudara perempuan seibu sebapa	Mahjub	-	-

Huraian:

- (i) Salah satu dari kes *umariyatain*.
- (ii) Suami mendapat 1/2 bahagian, iaitu 3/6 kerana si mati tiada anak keturunan.
- (iii) Ibu mendapat 1/3 baki kerana kes pengecualian (*kes umariyatain*).
- (iv) Bapa mendapat asabah (baki harta), iaitu 2/6 bahagian kerana si mati tiada anak keturunan.
- (v) SPIB dihijab oleh bapa.
- (vi) Satu saham = RM90,000.00

Soalan 6

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan perkaitan antara *qisas* dan hudud.

Majoriti calon gagal menjawab dengan baik soalan ini dan tidak mendapat markah penuh. Punca utama kegagalan calon menjawab soalan ini dengan baik adalah disebabkan kurang memahami kehendak soalan, di mana jawapan mereka tertumpu kepada perbezaan antara *qisas* dan hudud. Sedangkan jawapan yang sepatutnya adalah dari aspek perkaitan atau persamaan seperti yang berikut:

- (i) *Qisas* sama dengan hudud dari segi penetapan hukuman oleh syarak.
- (ii) *Qisas* sama dengan hudud dari sudut kepentingan, iaitu hudud untuk menjaga kepentingan atau hak Allah (masyarakat).

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan tiga jenis kesalahan membunuh. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik.

Namun terdapat sejumlah calon hanya menyatakan jenis pembunuhan tetapi tidak menyatakan huraian atau contoh. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- (i) Membunuh dengan sengaja: Perbuatan yang dilakukan dengan sengaja dan dengan niat untuk membunuh.
- (ii) Membunuh dengan separa sengaja: Perbuatan yang dilakukan dengan sengaja tetapi bukan dengan niat membunuh.
- (iii) Membunuh dengan tidak sengaja: Perbuatan yang dilakukan dengan tidak sengaja dan bukan dengan niat membunuh.

Soalan (c) menghendaki calon membincangkan kesalahan menggugurkan kandungan di mana kesalahan tersebut tidak memenuhi syarat pelaksanaan hukuman *qisas*.

Majoriti calon gagal menjawab soalan ini dengan baik. Sebahagian calon yang berjaya mendapat markah mengatakan kesalahan tersebut dikenakan *diyat* kerana kewujudan bayi masih belum sempurna. Ini menunjukkan calon tidak mampu memahami maksud soalan dengan baik yang mengakibatkan calon gagal mendapat markah penuh sepertimana yang dikehendaki oleh soalan. Jawapan yang lengkap adalah seperti yang berikut:

- (i) Kesalahan menggugurkan kandungan tidak dikenakan hukuman *qisas* kerana kewujudan janin ialah kewujudan yang belum sempurna.
- (ii) Dikenakan hukuman *diyat/ghurrah*, iaitu iaitu seorang hamba lelaki atau perempuan.
- (iii) Sama nilainya dengan lima ekor unta atau 50 dinar.
- (iv) Dalil: Hadis riwayat Abu Hurairah katanya: “Dua orang wanita dari kaum Huzail telah berbunuhan. Salah seorang daripadanya melempar batu kepada yang seorang lagi yang lain lalu membunuhnya dan anak di dalam kandungannya. Perkara itu kemudiannya telah dibawa kepada Rasulullah SAW. Baginda memutuskan bahawa wajib dibayar diyat anak kandungan perempuan yang terbunuhan itu, iaitu seorang hamba, dan wajib juga dibayar *diyat* perempuan yang terbunuhan oleh keluarga yang membunuhan”.
- (v) Selain dikenakan *diyat*, diwajibkan juga membayar *kaffarah* menurut jumhur fuqaha, iaitu mazhab Syafie, Maliki, dan Hanbali.
- (vi) *Kaffarahnya* ialah memerdekaan hamba Muslim. Jika tidak mampu, wajib berpuasa selama dua bulan berturut-turut. Seterusnya jika tidak mampu, wajib memberi makan kepada 60 orang miskin.
- (vii) Pandangan calon/rumusan/kesimpulan.

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, sebanyak 2 386 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 73.14% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	12.62	9.01	10.48	11.69	10.69	10.27	8.38	8.93	6.37	3.98	7.59

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhannya, bentuk penyoalan kertas ini adalah mengikut standard pengujian dan bersesuaian dengan tahap berfikir pelajar Tingkatan 6. Kebanyakan calon memilih soalan 1 dan 2 bagi Bahagian A, manakala bagi Bahagian B, calon memilih soalan 4 dan 5. Secara keseluruhannya, jawapan kebanyakan calon adalah sederhana, namun jurang markah antara pelajar yang bijak dan lemah agak jauh.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: Usul Fiqh

Soalan 1

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan pernyataan “mengetahui dalil-dalil fiqh secara *ijmali* dan cara menggunakan serta mengetahui keadaan orang yang menggunakan (*mujtahid*)”.

Majoriti calon dapat menjawab dengan baik soalan ini dan mendapat markah penuh. Namun, terdapat segelintir calon memberikan jawapan yang tidak tepat dengan memfokuskan jawapan kepada menghuraikan pernyataan di atas secara ringkas seperti mengetahui dalil-dalil secara *ijmali* bagi memudahkan ulama mengeluarkan hukum kerana ada panduan. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- (i) Ini merupakan definisi usul fiqh
- (ii) Penjelasan terhadap dalil *ijmali*/proses istinbat/*mujtahid*
- (iii) Mana-mana huraian kepada definisi seperti huraian tentang dalil *ijmali*, syarat *mujtahid*, kaedah *mujtahid*, dan sebagainya.

Soalan (b) meminta calon menghuraikan perkembangan ilmu usul fiqh dari zaman awal Islam hingga zaman Imam Shafie RA.

Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik dan mendapat markah penuh. Namun terdapat juga calon yang memberikan jawapan yang tidak mengikut zaman menyebabkan mereka kehilangan markah huraihan. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- (i) Pada zaman Nabi SAW: Tiada istilah ilmu usul fiqh pada zaman Nabi SAW. Hukum syarak diperoleh melalui wahyu.
- (ii) Pada zaman Sahabat: Para Sahabat juga tidak perlu kepada penyusunan kaedah usul fiqh. Kaedah usul fiqh telah sedia tersemat dalam dada mereka.
- (iii) Pada zaman Tabiin: Mereka juga tidak perlu kepada penyusunan kaedah usul fiqh. Kaedah usul fiqh telah sedia tersemat dalam dada mereka.
- (iv) Pada zaman Imam Shafie (akhir abad ke-2 hijrah).
- (v) Keperluan kepada kaedah usul fiqh sangat mendesak.
- (vi) Pembukaan negara Islam semakin meluas kerana bangsa Arab bercampur dengan ‘*ajam* membawa kepada hilang keaslian bahasa Arab.
- (vii) Keadaan ini membawa kepada hilang upaya memahami nas syarak.
- (viii) Periwayatan hadis terlalu banyak.
- (ix) Keperluan kepada *qiyas* kerana banyak peristiwa baharu.
- (x) Imam Shafie mengarang kitab *al-Risalah* untuk menjadi panduan kepada para *mujtahid* dalam menentukan hukum.

Soalan (c) menghendaki calon membincangkan tiga faedah mempelajari ilmu usul fiqh.

Sebahagian besar calon berjaya mendapat markah penuh dengan memberikan tiga fakta dan huraihan serta kesimpulan yang tepat. Manakala calon yang lemah memberikan jawapan yang tidak tepat seperti berdoa, bersedekah, dan reda dengan takdir Allah SWT. Ada sebahagian calon tidak membuat kesimpulan menyebabkan mereka tidak mendapat markah penuh. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- (i) Mengetahui cara *mujtahid* mengeluarkan hukum berserta huraihan
- (ii) Mengeluarkan hukum baharu yang sentiasa berubah mengikut peredaran zaman dan keperluan masyarakat berserta huraihan
- (iii) Mengetahui cara mengeluarkan hukum daripada dalil sehingga dapat menentukan hukum terhadap perbuatan mukallaf berserta huraihan
- (iv) Melalui usul fiqh, para *mujtahid* menjadi mudah untuk mengeluarkan hukum kerana ada landasan dan panduan berserta huraihan
- (v) Pendapat calon

Soalan 2

Soalan (a) meminta calon membezakan ijmak *sarih* dengan ijmak *sukuti*.

Majoriti calon dapat memberikan jawapan yang tepat dengan memberikan takrif kedua-duanya sebagai jawapan. Calon sederhana hanya dapat memberikan satu jawapan sahaja. Manakala calon yang lemah memberikan jawapan yang tidak tepat kerana tidak menguasai fakta dengan baik. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Ijmak *sarih*: Kesepakatan semua *mujtahid* pada satu-satu masa secara jelas dalam satu majlis.

Ijmak *sukuti*: Sebahagian *mujtahid* menyatakan pendirian secara jelas manakala sebahagian yang lain tidak menyatakan pendirian secara jelas sama ada setuju atau tidak.

Soalan (b) meminta calon menerangkan empat rukun ijmak.

Majoriti calon berjaya memberikan tiga fakta jawapan yang tepat berbanding empat fakta sebagaimana yang dikehendaki. Kebanyakan jawapan yang salah memfokuskan kepada perkara yang tidak dianggap sebagai rukun, seperti ijmak tidak bercanggah dengan al-Quran dan *al-Sunnah*. Calon yang lemah tidak memberikan sebarang jawapan. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- (i) Harus ada beberapa orang *mujtahid* di kala terjadinya peristiwa dan para *mujtahid* itulah yang melakukan kesepakatan.
- (ii) Yang melakukan kesepakatan itu hendaklah seluruh *mujtahid* yang ada dalam dunia Islam.
- (iii) Kesepakatan itu mesti dinyatakan secara tegas oleh setiap *mujtahid*.
- (iv) Kesepakatan itu hendaklah merupakan kesepakatan yang bulat dari seluruh *mujtahid*.

Soalan (c) meminta calon membincangkan pandangan ulama usul fiqh tentang kedudukan ijmak *sukuti* sebagai sumber perundangan Islam.

Majoriti calon berjaya memberikan fakta jawapan yang tepat sebagaimana yang dikehendaki. Ada sebahagian calon memberikan hujah kehujahan ijmak *sukuti* yang tidak diterima seperti dalil kehujahan ijmak tidak membezakan antara ijmak sareh dengan ijmak *sukuti*, jika hanya ditentukan ijmak *sarih*, maka tidak berlaku ijmak. Ada sebahagian calon tidak membuat kesimpulan menyebabkan mereka kehilangan markah. Jawapan yang sepatutnya:

Ulama menerima, iaitu majoriti mazhab Hanafi, sebahagian mazhab Shafie, sebahagian mazhab Maliki, dan Imam Ahmad

- (i) Para *mujtahid* tidak akan menghalang perkara yang benar kerana keyakinan mereka menyatakan kebenaran. Oleh itu, walaupun terdapat ulama tidak menyatakan dengan jelas pendapat mereka mengenai sesuatu isu, diam mereka itu boleh difahami sebagai mengiakan kebenaran dan tidak berkompromi dengan kebatilan.
- (ii) Jika setiap ijmak disyaratkan untuk dinyatakan secara jelas, nescaya ijmak tidak akan terhasil. Sebabnya kebiasaan yang berlaku ialah *mujtahid* yang hebat sahaja akan menyatakan dengan jelas sedangkan *mujtahid* yang lain hanya diam tanda setuju.

Ulama menolak, iaitu sebahagian mazhab Hanafi dan sebahagian mazhab Shafie

- (i) Nabi SAW bertanya kepada Abu Bakar dan Umar ketika *Dhu al-Yadaian* mempersoal Nabi Muhammad SAW sama ada sembahyang yang ditunaikan secara qasar atau Nabi Muhammad SAW terlupa. Ini menunjukkan bahawa diamnya Sayidina Abu Bakar dan Sayidina Umar tidak memadai bahkan perlu dinyatakan secara jelas sama ada setuju atau tidak setuju.
- (ii) Sayidina Umar RA tetap bertanya pendapat Sayidina Ali RA ketika para sahabat pada waktu itu bersetuju dengan tindakan beliau. Sayidina Umar RA tidak perlu membayar ganti rugi walaupun menyebabkan seorang wanita keguguran/baki harta rampasan perang diaghikhan ketika harta tersebut diperlukan.

Soalan 3

Soalan (a) meminta calon menjelaskan pengertian *talfiq* berserta dengan hukum beramal dengannya dalam permasalahan fiqh.

Soalan ini agak mudah. Majoriti calon berjaya mendapat markah dengan memberikan jawapan yang tepat. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- (i) Maksud: Melakukan sesuatu dengan cara yang tidak diakui oleh *mujtahid*/mana-mana definisi yang sesuai
- (ii) Huraian/contoh yang sesuai
- (iii) Hukum: Harus

Soalan (b) menghendaki calon menghuraikan hukum tawaf seorang lelaki yang secara sengaja menyentuh tangan seorang wanita ajnabi tanpa sebarang lapik berasaskan konsep *talfiq*.

Soalan ini dikira mudah dan sepatutnya membantu calon mendapat markah. Majoriti calon berjaya memberikan jawapan yang tepat sebagaimana yang dikehendaki. Sebilangan kecil calon kehilangan markah kerana memfokuskan jawapan kepada mazhab yang mengatakan tidak batal sahaja. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- (i) Tawaf terbatal kerana syarat sah tawaf mesti dalam keadaan berwuduk.
- (ii) Huraian – pandangan muktamad dalam mazhab Shafie ialah sentuhan kulit antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram batal wuduk.
- (iii) Berdasarkan konsep *talfiq*, menerima pandangan mazhab Hanafi/Maliki.
- (iv) Huraian – yang menyatakan wuduk tidak batal jika berlaku sentuhan tidak berlapik antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram.

Soalan (c) meminta calon membincangkan prinsip *talfiq* dalam keharusan membayar zakat fitrah dengan menggunakan Ringgit Malaysia.

Majoriti calon mendapat markah yang baik. Walau bagaimanapun terdapat sesetengah calon yang cuai dengan kehendak soalan dengan memfokuskan perbincangan jawapan kepada penggunaan Ringgit Malaysia untuk membayar zakat tanpa memberikan pandangan mazhab lain, seperti mazhab Shafie yang menetapkan zakat fitrah dikeluarkan mengikut makanan asasi. Ini menyebabkan mereka kehilangan markah. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- (i) Mazhab Shafie menetapkan zakat fitrah dikeluarkan mengikut makanan asasi
- (ii) *Talfiq* – memakai pandangan mazhab Hanafi
- (iii) Harus diganti makanan asasi dengan menggunakan nilai mata wang.
- (iv) Pandangan calon

BAHAGIAN B: Kaedah Fiqh

Soalan 4

Soalan (a) meminta calon menjelaskan dua amalan yang tidak memerlukan niat berserta dengan alasan.

Kebanyakan calon berjaya menjawab soalan ini dengan betul dan tepat. Calon yang lemah memberikan jawapan seperti tidur, bermain, dan berzina sebagai amalan yang tidak memerlukan niat menyebabkan mereka tidak mendapat sebarang markah. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- (i) Beriman kepada Allah atau berzikir. Alasan: kerana tiada beza antara adat dan ibadat
- (ii) Tidak mencuri atau tidak membunuh atau mana-mana yang berkaitan. Alasan : Kerana meninggalkan perkara yang ditegah.

Soalan (b) menghendaki calon menerangkan empat syarat sah niat. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat.

Calon yang gagal mendapat markah penuh memberikan jawapan di bawah skop yang sama, seperti *mumayyiz* dan berakal. Ada sebahagian kecil calon memfokuskan jawapan kepada waktu berniat seperti di awal dan pertengahan sesuatu ibadat. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- (i) Islam berserta huraihan
- (ii) *Mumayyiz* berserta huraihan
- (iii) Mengetahui perkara yang diniatkan berserta huraihan
- (iv) Tidak melakukan perkara yang boleh berlawanan dengan niat berserta huraihan

Soalan (c) mengkehendaki calon membincangkan kaedah terbitan **النية في اليمين تخصيص اللفظ العام ولا تعمم الخاص** berserta dengan contoh.

Majoriti calon yang menjawab soalan ini mendapat markah penuh dengan memberikan tiga fakta jawapan berserta dengan kesimpulan yang tepat sebagaimana yang dikehendaki. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- (i) Niat dalam bersumpah boleh mengkhususkan lafaz yang umum, tetapi tidak boleh mengumumkan lafaz yang khas.
- (ii) Contoh *al-niyyah fi al-yamin tukhassis al-lafz al-'am*: "Seorang berkata, Demi Allah! Aku tidak akan bercakap dengan seseorang." dan dia niatkan orang itu Omar. Jika dia bercakap dengan Omar, maka dianggap melanggar sumpah.
- (iii) Pandangan calon.

Soalan 5

Soalan (a) meminta calon menjelaskan maksud hadis Rasulullah SAW yang berikut dan kaitannya dengan kaedah fiqh yang bersesuaian.

خرجنا مع النبي صلى الله عليه وسلم من المدينة إلى مكة، فكان يصلى ركعتين ركعتين، حتى رجعنا إلى المدينة

Majoriti calon berjaya menjawab soalan ini dengan betul dan tepat. Calon yang lemah bahasa Arab tidak memberikan sebarang jawapan menyebabkan mereka tidak mendapat markah. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- (i) Hadis ini menunjukkan Nabi Muhammad SAW mengqasarkan solat kepada dua rakaat ketika bermusafir.
- (ii) Hadis ini menunjukkan berlaku *rukhsah* dalam bermusafir berserta huraiyan.
- (iii) Kaedah yang bersesuaian ialah **المشقة تجلب التيسير**.

Soalan (b) meminta calon menerangkan empat sebab *takhif* berserta dengan situasi.

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan betul dan tepat. Ada sebahagian kecil calon gagal mendapat markah kerana memberikan jawapan yang salah kerana memfokuskan kepada bahagian-bahagian *takhif* seperti *takhif taqdim* dan sebagainya. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- (i) Musafir berserta situasi
- (ii) Sakit berserta situasi
- (iii) Orang yang dipaksa atau terpaksa berserta situasi
- (iv) Lupa berserta situasi
- (v) Jahil berserta situasi

Soalan (c) menghendaki calon menghuraikan perkaitan kaedah terbitan yang bersesuaian dengan permasalahan seperti yang berikut:

- (i) Puan A mendirikan solat secara duduk kerana kecederaan yang teruk pada kakinya.
- (ii) Encik B mengimamkan solat dengan memanjangkan bacaannya sedangkan makmumnya terdiri daripada orang tua dan uzur.

Majoriti calon berjaya mendapat markah penuh dengan memberikan kaedah terbitan dan huraiyan perkaitan yang tepat. Calon sederhana hanya dapat memberikan huraiyan perkaitan dengan baik. Manakala calon yang lemah memberikan jawapan yang tidak tepat seperti kaedah terbitan **الضرورات نبيح المحظورات** dan menghuraikan situasi itu dari segi hukum sama ada sah atau pun tidak. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- (i) Kaedah berkaitan ialah **إذا ضيق الأمر اتسع** berserta huraiyan
Apabila sesuatu itu sempit, hukumnya menjadi luas.
Setiap kesempitan seharusnya dipermudah hingga terasa kerahmatan Islam.
Perkaitan: Mengerjakan solat secara berdiri adalah menyakitkan. Maka diberikan pilihan untuk menunaikan solat secara duduk.
- (ii) Kaedah berkaitan ialah **إذا اتسع الأمر ضيق** berserta huraiyan
Apabila sesuatu itu longgar dan mudah, hukum perlaksanaannya menjadi sempit.
Apabila sesuatu itu pelaksanaannya mudah, maka hukumnya menjadi sempit atau kembali kepada hukum asal.

Perkaitan: Bacaan yang panjang adalah sunat namun ia boleh memudaratkan makmum yang tua dan uzur.

Soalan 6

Soalan (a) meminta calon menjelaskan maksud ayat 199, surah al-Araf yang berikut dan kaitannya dengan kaedah fiqh yang bersesuaian.

حَدَّ الْعُقُوْنَ وَأَمْرٌ بِالْغَرْفِ وَأَعْرِضْ عَنِ الْجَاهِلِيَّنَ (١٩٩)

Majoriti calon berjaya memberikan maksud ayat dan kaedah fiqh yang tepat sebagaimana yang dikehendaki kerana penguasaan bahasa Arab yang baik. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- (i) Hadis ini menunjukkan adat yang benar serta baik boleh dijadikan hujah berserta huraiān
- (ii) Kaedah yang bersesuaian ialah **العادة مُحَكَّمة**.

Soalan (b) menghendaki calon menerangkan dua bahagian uruf dari sudut hukum berserta dengan contoh.

Majoriti calon berjaya menjelaskan dua bahagian uruf dari sudut hukum dengan tepat. Sebahagian kecil calon memberikan jawapan yang salah kerana memfokuskan jawapan dari sudut objeknya kepada dua, iaitu *uruf lafzi* dan *uruf amali* yang menyebabkan mereka kehilangan markah. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- (i) *Uruf Sahih* – Kebiasaan yang dilakukan oleh orang ramai yang tidak bercanggah dengan dalil syarak.
Contoh: Pemberian lelaki kepada tunangnya ketika pertunangan dikira sebagai hadiah sahaja, bukannya sebagai sebahagian daripada mas kahwin.
- (ii) *Uruf Fasid* – Kebiasaan yang dilakukan oleh orang ramai dan ia bercanggah dengan ketentuan syarak.
Contoh: Pergaulan bebas tanpa menutup aurat antara perempuan dengan sepupu lelaki adalah bercanggah dengan Islam.

Soalan (c) menghendaki calon menghuraikan perkaitan kaedah terbitan yang bersesuaian dengan permasalahan seperti yang berikut:

- (i) Transaksi jual beli yang dilakukan di Malaysia dengan menggunakan mata wang Ringgit Malaysia.
- (ii) Di Malaysia, bayaran sewa rumah yang dikenakan terhadap penyewa oleh pemilik rumah tidak termasuk bil air dan elektrik.

Majoriti calon yang menjawab soalan ini mendapat markah penuh. Calon yang lemah memberikan jawapan yang tidak tepat seperti kaedah **العادة مُحَكَّمة** sebagai jawapan. Selain itu, calon tidak mengaitkannya dengan permasalahan yang diberikan menyebabkan calon kehilangan markah seperti penggunaan mata wang Ringgit Malaysia memudahkan masyarakat. Manakala bil air dan elektrik adalah kewajipan penyewa. Jawapan yang sepatutnya seperti yang berikut:

- (i) Kaedah berkaitan ialah **المعروف عرفاً كالمشروع شرعاً** berserta huraiān
Sesuatu yang telah terkenal menurut uruf, seperti sesuatu yang disyaratkan dengan sesuatu syarat. Sesuatu yang terkenal dalam kalangan masyarakat sebagai suatu adat dan kebiasaan, ialah kekuatan hukum yang sama dengan apabila hal itu dinyatakan sebagai suatu syarat yang harus berlaku antara mereka.

Perkaitan: Kebiasaan dalam urusan transaksi jual beli, hendaklah merujuk kepada mata wang setempat iaitu RM walaupun tidak disyaratkan.

- (ii) Kaedah berkaitan ialah **التَّعْبِينَ بِالْعَرْفِ كَالتَّعْبِينَ بِالنَّصِّ** berserta huraiān
Menentukan dengan dasar uruf, seperti menentukan dengan nas.
Sesuatu penetapan hukum berdasarkan uruf atau adat yang telah memenuhi syarat-syarat sebagai hukum, adalah sama kedudukannya dengan penetapan hukum yang didasarkan kepada nas.

Perkaitan: Kebiasaan yang berlaku dalam akad sewa rumah di Malaysia ialah tanggungan bil utiliti dikenakan ke atas penyewa meskipun tidak ditentukan kadarnya.

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3, sebanyak 2 375 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 72.38% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	15.33	7.07	11.71	8.51	9.39	12.88	7.49	5.26	4.46	3.79	14.11

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhannya, standard kertas soalan dari segi format peperiksaan, pematuhan kepada sukatan pelajaran, dan kejelasan soalan adalah baik. Walau bagaimanapun, penambahbaikan kepada soalan-soalan adalah sesuatu yang perlu dilakukan dari semasa ke semasa bagi memastikan kefahaman pelajar selari dengan perkembangan ilmu yang berlaku. Mutu jawapan calon adalah sederhana. Terdapat beberapa kelemahan pada jawapan calon, seperti tidak mampu menguasai dan memahami teks dengan baik, tidak menjawab soalan berdasarkan ayat atau hadis, tidak mempunyai perancangan dan perhatian kepada kehendak sebenar soalan, memberikan jawapan yang menyimpang daripada sepatutnya, dan memberikan fakta yang tidak tepat.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: Ayat Ahkam

Soalan 1

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan maksud petikan **وَالَّذِينَ يَبْثُونَ لِرَبِّهِمْ** dan **يَمْشُونَ عَلَى الْأَرْضِ هُؤُنَا**.

Majoriti calon dapat memberikan jawapan dengan tepat berdasarkan ayat tersebut, iaitu berjalan di atas muka bumi dengan rendah hati/sopan. Cuma sebilangan kecil calon hanya menjawab “berjalan di muka bumi”.

Majoriti calon dapat memberikan jawapan yang tepat, iaitu orang yang beribadah kepada Allah SWT di malam hari. Namun begitu ada juga calon yang hanya memberikan jawapan beribadat sahaja tanpa menyatakan pada malam hari.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan empat ciri ‘*ibad al-Rahman* berdasarkan ayat 67 dan 68, surah al-Furqan.

Kebanyakan calon dapat menjelaskan empat ciri ‘*ibad al-Rahman*, iaitu tidak boros dalam berbelanja, tidak bersikap bakhil atau kedekut, tidak menyembah selain Allah SWT, tidak membunuh jiwa yang diharamkan, dan tidak melakukan zina.

Terdapat juga calon yang menjawab berdasarkan keseluruhan ayat, seperti berdoa kepada Allah SWT. Selain itu, terdapat sebahagian kecil calon yang tidak memberikan huraian kepada ciri-ciri yang dikeluarkan.

Soalan (c) menghendaki calon membincangkan tiga langkah efektif yang boleh dilakukan oleh para ibu bapa bagi membendung jenayah zina dalam kalangan remaja.

Aras soalan tidak terlalu sukar dan ramai calon dapat menjawab dengan betul. Sebahagian calon memberikan jawapan, seperti memberikan pendidikan agama, memberikan nasihat, membawa ke tempat ilmu, dan memberikan amaran. Jawapan seperti ini tepat namun dikategorikan sebagai jawapan satu isi sahaja.

Sebahagian calon hanya mengehadkan jawapan kepada jenis pendidikan yang perlu diberikan kepada anak-anak remaja, seperti pendidikan akhlak, pendidikan akidah dan sebagainya. Jawapan seperti ini kurang tepat kerana langkah yang boleh diambil oleh ibu bapa tidak terhad kepada memberikan pendidikan semata-mata.

Ada juga calon yang tidak membuat kesimpulan yang menyebabkan mereka kehilangan dua markah. Jawapan yang sepatutnya ialah:

- (i) Memberikan pendidikan agama
- (ii) Mengawal pergerakan anak-anak
- (iii) Memastikan anak-anak menutup aurat
- (iv) Menunjukkan teladan yang baik terhadap anak-anak
- (v) Mempercepatkan perkahwinan anak-anak
- (vi) Kesimpulan

Soalan 2

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan maksud petikan ayat 174, surah al-Baqarah.

Kebanyakan calon tidak dapat menerangkan maksud petikan ayat tersebut dengan baik. Ini menyebabkan calon tidak mendapat markah penuh bagi soalan ini. Kebanyakan calon menjawab Allah SWT tidak berkata-kata kepada mereka atau pada hari kiamat sahaja. Calon cemerlang mampu menjawab dengan sempurna, iaitu Allah tidak berkata-kata kepada mereka pada hari kiamat dan tidak mensucikan mereka daripada dosa-dosa mereka.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan empat sebab Islam melarang umatnya memakan bangkai dan darah.

Ramai calon tidak mendapat markah penuh sama ada dari sudut kesalahan fakta atau kesalahan tidak menghurai. Bahkan ada calon yang memberikan jawapan tidak berdasarkan ayat yang diminta.

Ramai calon yang tidak dapat menjawab soalan ini. Hanya segelintir calon sahaja yang dapat menjawab. Antara jawapan calon ialah menyebabkan penyakit, bakteria, dan najis sahaja.

Calon yang lemah kebanyakannya mengulang isi yang sama pada jawapan meraka. Kebanyakan calon menjawab kerana darah dan bangkai mempunyai bakteria yang memudaratkan kesihatan. Jawapan yang sepatutnya ialah:

- (i) Proses kematian binatang berjalan dengan lambat dan kuman-kuman yang ada di dalam perut telah berpindah ke dalam dagingnya.
- (ii) Perbuatan memakan bangkai merupakan perbuatan hina/buruk/jijik dan merendahkan martabat manusia.
- (iii) Darah binatang merupakan najis yang tidak boleh dimakan.
- (iv) Darah dan daging binatang merupakan tempat pembelahan bakteria dan menyebabkan penyakit yang berbahaya.

Soalan (c) menghendaki calon membincangkan tiga alasan Allah SWT mengecam ahli kitab yang menyembunyikan kebenaran.

Kebanyakan jawapan calon tidak tepat. Ramai calon mendapat markah yang rendah bagi soalan ini kerana beberapa perkara seperti fakta yang tidak tepat atau fakta yang berulang serta tidak ada huraihan dan tidak ada kesimpulan. Sedangkan jawapan yang sepatutnya ialah:

- (i) Orang Yahudi (Kitab Taurat) dan orang Nasrani tidak mahu menjelaskan isi sebenar dalam kitab masing-masing, iaitu sifat dan identiti nabi akhir zaman (Nabi Muhammad SAW).
- (ii) Mereka menyembunyikan beberapa syariat yang diturunkan kepada mereka yang dianggap tidak sesuai dengan kehendak nafsu mereka.
- (iii) Ahli kitab mengubah isi kitab yang diturunkan kepada mereka dan menyimpang daripada ajaran yang dibawa oleh nabi mereka/beriman dengan sebahagian dan kufur sebahagian yang lain.
- (iv) Ahli Kitab merasakan mereka lebih mengetahui tentang hukum-hakam dan syariat Allah SWT.
- (v) Kesimpulan.

Soalan 3

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan maksud ayat 90 secara *ijmali*.

Sebahagian calon tidak dapat memberikan maksud secara tepat. Calon cemerlang memberikan empat fakta yang tepat sebagaimana yang dikehendaki. Calon sederhana hanya mampu membawa dua fakta jawapan yang tepat iaitu suruhan berlaku adil dan larangan melakukan perbuatan keji. Calon yang lemah bahasa Arab tidak memberikan sebarang jawapan. Jawapan yang sepatutnya adalah:

- (i) Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil dan berbuat kebajikan.
- (ii) Memberi bantuan/menolong kaum kerabat.
- (iii) Melarang daripada melakukan perbuatan keji/mungkar/kezaliman.
- (iv) Allah mengajar kamu supaya kamu mengambil peringatan.

Soalan (b) meminta calon menjelaskan perbezaan lafaz *al-fahsyā'*, *al-munkar*, dan *al-baghy* berserta dengan contoh.

Sebahagian besar calon dapat menjawab dengan baik. Manakala sebahagian yang lain mengemukakan maksud yang umum seperti maksiat, syirik, mengumpat, atau tertukar maksud antara istilah-istilah tersebut. Jawapan yang sepatutnya adalah:

- (i) *Al-Fahsyā'*: Perbuatan yang melibatkan seksual/perbuatan keji. Contoh: Zina, liwat, LGBT.
- (ii) *Al-Munkar*: Perbuatan yang dibenci oleh masyarakat. Contoh: Mencuri, menipu, rasuah.
- (iii) *Al-Baghy*: Perbuatan melibatkan pertumpahan darah/kecederaan/ganas/permusuhan orang lain. Contoh: Ragut, merompak, membunuh.

Soalan (c) menghendaki calon membincangkan empat kesan apabila sebuah negara memiliki kepimpinan yang jujur dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab.

Sebahagian calon berjaya mendapat markah penuh dengan memberikan empat fakta dan huraian serta kesimpulan yang tepat. Calon sederhana hanya dapat memberikan dua fakta jawapan berserta dengan huraian yang baik. Calon yang lemah mengulang isi jawapan dan menghuraikan jawapan yang bertindih dengan jawapan sebelumnya.

Terdapat calon memberikan jawapan yang tidak tepat seperti negara dipelihara Allah SWT, keselamatan rakyat terjaga dan hubungan hidropolitik dengan negara lain. Jawapan ini tidak diterima kerana mengemukakan kesan kepada individu pemimpin, bukan negara. Jawapan yang sepatutnya adalah:

- (i) Rakyat/negara berada dalam keadaan aman/bersatu padu/harmoni.
- (ii) Ekonomi berkembang maju/menarik pelaburan asing.
- (iii) Maruah negara dipandang tinggi oleh bangsa dan negara lain/dikagumi oleh negara lain.
- (iv) Kestabilan politik dalam negara.
- (v) Kesimpulan.

BAHAGIAN B: Hadis Ahkam

Soalan 4

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan maksud ungkapan hadis yang bergaris secara *ijmali*.

اسْتَوْصُوا بِالنِّسَاءِ حَيْرًا، فَإِنَّهُنَّ عِنْدَكُمْ عَوَانٌ، لَيْسَ تَمْلِكُونَ مِنْهُنَّ شَيْئًا غَيْرَ ذَلِكَ، إِلَّا أَنْ يَأْتِيَنَّ بِفَاحِشَةٍ مُّبِينَ

Sebahagian calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Terdapat calon yang tidak dapat memberikan jawapan yang tepat. Rata-rata calon yang tidak mendapat markah penuh adalah kerana mereka tidak memberikan jawapan, iaitu “kerana sesungguhnya mereka adalah pembantu kamu” dan “sesungguhnya kamu tidak boleh menganiayai mereka”. Jawapan yang sepatutnya ialah:

- (i) Nasihatilah isteri dengan cara yang bijak/berhemah/pesanan/memberikan peringatan yang baik.
- (ii) Kerana sesungguhnya mereka adalah pembantu kamu/penolong/tawanan kamu.
- (iii) Sesungguhnya kamu tidak boleh menganiaya mereka/menzalimi/mengkhianati.
- (iv) Kecuali mereka melakukan perbuatan keji yang nyata.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan dua hak suami dan dua hak isteri berdasarkan hadis. Sebahagian calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik kerana jawapannya tidak berdasarkan hadis. Jawapan mereka adalah tentang layanan isteri kepada suami dan cara suami menangani isteri yang nusyuz. Jawapan yang sepatutnya adalah dengan menyebut hak-hak yang disebut dalam hadis, iaitu:

Dua hak suami:

- (i) Tidak membenarkan orang asing memasuki bilik/tidak berzina.
- (ii) Tidak membenarkan orang yang tidak disenangi suami masuk ke dalam rumah.

Dua hak isteri:

- (i) Mendapat nafkah pakaian
- (ii) Mendapat nafkah makanan

Soalan (c) menghendaki calon membincangkan tiga hak wanita yang dijaga oleh Islam selepas berlaku perceraian. Ramai calon yang dapat menjawab soalan ini dengan sederhana dan baik. Namun calon yang lemah mengemukakan jawapan seperti mendapat nafkah, diberikan tempat tinggal, dan nafkah untuk anak-anak. Jawapan yang sepatutnya adalah:

- (i) Boleh mendapat harta sepencarian
- (ii) Mendapat *mut'ah*
- (iii) Boleh menuntut hak *hadanah*
- (iv) Nafkah semasa dalam '*iddah*'
- (v) Kesimpulan

Soalan 5

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan maksud ungkapan hadis yang bergaris.

Sebahagian calon dapat menjawabnya dengan baik, manakala sebahagian lagi salah memberikan makna terutama sekali ungkapan hadis yang keempat. Jawapan yang sepatutnya adalah:

- (i) Mengikuti amalan agama orang yang lebih tinggi daripadanya.
- (ii) Apa yang Allah kurniakan kelebihan kepadanya.
- (iii) Orang yang lebih rendah kedudukan daripadanya.
- (iv) Dia bersedih atas apa yang terlepas darinya.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan maksud dan kesannya kepada individu bagi sifat *qanaah*, hasad, dan ujub.

Sebahagian calon dapat menjawab dengan baik pada sifat *qanaah*, manakala terdapat calon yang tidak dapat mengemukakan jawapan yang tepat pada sifat hasad dan ujub. Dan ramai yang menjawab dengan salah pada kesan sifat tersebut pada individu. Jawapan yang sepatutnya ialah:

- (i) *Qanaah* ialah merasa cukup dengan apa yang dimilikinya.
Kesan: Jiwa menjadi tenang/syukur.
- (ii) Hasad ialah seorang yang tidak suka orang lain lebih daripadanya.
Kesan: Jiwa akan sengsara/gundah gulana.
- (iii) Ujub pula ialah merasa bangga dengan diri sendiri kerana ada kelebihan.
Kesan: Memandang rendah pada orang lain/ombong angkuh.

Soalan (c) menghendaki calon membincangkan empat mesej yang terdapat dalam hadis.

Kebanyakan calon dapat menjawabnya walaupun tidak mendapat markah penuh. Ramai calon yang mengulang jawapan yang sama kerana mereka mengikut petikan hadis secara total. Ada juga yang tidak membuat kesimpulan menyebabkan markah mereka berkurangan. Jawapan yang dicadangkan berserta dengan huriaian:

- (i) Kita mestilah bersyukur atas segala nikmat/berasa *qanaah*.
- (ii) Kita mestilah bersabar atas musibah yg melanda.
- (iii) Kita perlu melihat orang yang lebih tinggi dalam mengamalkan agama/berlumba-lumba mencari pahala akhirat.
- (iv) Kita perlu melihat orang yang lebih rendah dalam aspek keduniaaan.

- (v) Tidak rakus dalam mengejar keduniaan.
- (vi) Kesimpulan.

Soalan 6

Soalan (a) menghendaki calon memberikan maksud ungkapan hadis yang berikut:

- (i) لا تلقو الركبان
- (ii) ولا تناجشوها
- (iii) ولا تصرروا الغنم
- (iv) فهو بخير النظرين

Sebahagian besar calon dapat menerangkan maksud hadis dengan baik manakala sebahagian kecil calon tidak dapat menerangkan maksud ungkapan hadis dengan tepat. Calon menjawab berdasarkan takwilan sendiri sehingga mengakibatkan markah mereka dipotong. Jawapan yang sepatutnya adalah:

- (i) لا تلقو الركبان : Jangan menyekat rombongan dagang
- (ii) ولا تناجشوها : Jangan bermain harga dengan lakonan
- (iii) ولا تصرروا الغنم : Jangan menahan susu kambing supaya kelihatan gemuk
- (iv) فهو بخير النظرين : Dia diberi dua pilihan

Soalan (b) menghendaki calon menghuraikan empat etika perniagaan yang diajarkan oleh Islam berdasarkan hadis.

Kebanyakan calon tidak dapat memberikan jawapan yang tepat namun mampu memberikan huraian yang menghampiri jawapan sebenar yang menunjukkan etika perniagaan yang diajarkan oleh Islam berdasarkan skema. Jawapan yang sepatutnya adalah:

- (i) Tidak boleh mengelirukan penjual/pembeli dengan muslihat.
- (ii) Tidak boleh menipu pada barang jualan.
- (iii) Tidak boleh memberi tawaran atas jualan orang lain.
- (iv) Tidak menyekat peniaga dari luar untuk membeli sebelum sampai di pasar.

Soalan (c) menghendaki calon membincangkan tiga bentuk penipuan perniagaan dalam talian pada masa ini.

Kebanyakan calon dapat menjelaskan dua daripada tiga bentuk penipuan perniagaan dalam talian dengan baik berserta dengan huraian. Terdapat juga sebahagian calon yang memberikan isi jawapan yang berulang menyebabkan mereka kehilangan markah. Antara contoh jawapan calon yang berulang, seperti peniaga menjual barang palsu, kualiti barang indah khabar dari rupa, dan menjual barang yang tidak sama dengan bungkusannya yang ditempah. Jawapan yang sepatutnya adalah:

- (i) Iklan produk yang mengelirukan/tidak memperoleh produk seperti yang diiklankan.
- (ii) Mengambil wang setelah selesai transaksi wang tanpa menghantar produk.
- (iii) Meniru produk orang lain/syarikat lain seperti meniru cara pembungkusannya.
- (iv) Scammer, iaitu mendapatkan maklumat peribadi dan perbankan pembeli melalui aplikasi tertentu.
- (v) Kesimpulan.